

19/05/2002

Dua ahli saman parti boleh dipecat

KUALA LUMPUR: Dua ahli Umno yang memfailkan saman ke atas Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob, boleh dipecat keahliannya, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Perlembagaan Umno jelas menggariskan ahli tidak boleh membawa sebarang kes membabitkan parti ke mahkamah.

"Dia tak boleh saman kerana tindakan seumpama adalah satu kesalahan yang boleh menyebabkan mereka dipecat keahlian.

"Ini adakah apa-apa keputusan yang dibuat oleh parti tidak boleh dicabar melalui tindakan mahkamah oleh mana-mana ahli," katanya selepas merasmikan pembukaan pameran gambar Positive Lives, Positive Response to HIV' di Balai Seni Lukis Negara, di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai tindakan dua ahli Umno iaitu Othman Ibrahim, bekas Bendahari cawangan Pelabuhan Klang dan Zulkifre Abu, bekas anggota jawatankuasa cawangan Selat Selatan, yang memfailkan saman ke atas Dr Mahathir dan Khalil, kerana gagal mengisytiharkan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Klang bagi tahun 2001 dan 2002 sebagai tidak sah dan terbatal.

Kedua-duanya memohon agar mesyuarat, perwakilan Umno bahagian itu dipanggil semula dan segala urusan termasuk pemilihan jawatankuasa bahagian dijalankan semula.

Abdullah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Disiplin Umno bagaimanapun enggan mengulas lanjut kerana belum menerima apa-apa laporan secara rasmi.

Mengenai laporan membabitkan penggabungan semula parti pembangkang iaitu Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan membentuk pula `barisan rakyat', manakala DAP terus diketepikan, beliau yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata:

"Apa dia nak buat biarlah dia buat... itu kebebasan dia. Tapi apa pun logo mereka tidak dapat logo Barisan Nasional (BN). Dan terkeluar DAP adalah satu bukti bahawa DAP juga tidak mahu menyertai kumpulan itu lagi."

Abdullah juga berkata, semua majikan terutama di sektor swasta perlu menghormati kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini, dan sebarang pengambilan pekerja tidak harus membelakangkan kepentingan bahasa itu.

"Pada pandangan kita, jangan sampai pada peringkat kita menafikan perlunya seseorang pekerja itu mengetahui Bahasa Malaysia. Kalau kita hendakkan kelayakan tambahan selain daripada Bahasa Malaysia itu tidak ada masalah, bergantung pada jenis kerja yang hendak dilakukan," katanya.

Beliau mengulas laporan akhbar mengenai ada pihak menyelar sikap segelintir majikan yang mengenakan syarat berketurunan Cina atau berkebolehan bahasa Mandarin kepada pemohon yang ingin mengisi kekosongan jawatan di pejabat mereka.

Mengenai sistem meritokrasi, beliau berkata kerajaan tetap dengan pendirian untuk mengekalkan sistem itu bagi pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi, tetapi akan mengambil kira pandangan dan maklumat orang ramai, kata Datuk Seri Abdullah Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Kerajaan sebenarnya belum lagi membuat keputusan muktamad mengenai apa yang patut dilakukan untuk memperbaiki sistem yang dilihat boleh menjejaskan kemasukan Bumiputera ke IPTA.

"Tapi kita tidak dapat menolak pendirian kita iaitu kita mahu meritokrasi dalam erti kata bahawa meritokrasi adalah sebagai satu matlamat yang perlu dicapai oleh pelaja kita.

"Cuma (yang menjadi perdebatan sekarang ialah) sama ada bagaimana atau apa sistem yang akan kita gunakan, atau sama ada sistem itu akan kekal selama-lama untuk menentukan kemasukan pelajar ke universiti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas permintaan Gahungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) supaya Kementerian Pendidikan mengkaji semula sistem meritokrasi yang kali pertama diperkenalkan tahun ini, herikutan berlaku kemerosotan mendadak jumlah pelajar Bumiputera.

Difahamkan, jumlah pengambilan pelajar Bumiputera berkurangan sehingga 95 peratus untuk kursus tertentu, berbanding dengan sistem kuota yang digunakan sebelum ini.

Abdullah berkata, mesyuarat jemaah menteri baru-baru ini juga telah berbincang dengan serius mengenai laporan yang dikemukakan Kementerian Pendidikan, terutama mengenai kesan yang berlaku dan tindakan yang perlu diambil bagi menyelesaikan masalah itu.

(END)